

11 DEC 2002

Sorotan-Pendidikan

MATEMATIK DAN SAINS DALAM BAHASA INGGERIS KUASAI CARTA ISU HANGAT

Oleh: Noor Hayati Muda

KUALA LUMPUR: Tidak keterlaluan jika dikatakan keputusan kerajaan untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran Matematik dan Sains di sekolah-sekolah di negara ini menguasai carta isu hangat media dan masyarakat sepanjang enam bulan terakhir tahun ini.

Rentetan bantahan terhadap pelaksanaannya berterusan sejak ia mula dicadangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan Jun hingga sekarang, walaupun Kabinet dan parti pemerintah Barisan Nasional (BN) telah mengeluarkan keputusan muktamad mengenainya pada 22 Okt lalu.

Kebimbangan Dr Mahathir terhadap kemerosotan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar di negara ini mendorong Perdana Menteri menyuarakan cadangannya, yang dirasakan mampu mengatasi kelemahan itu.

Beliau berulang kali dilaporkan menyeru dan mendesak golongan muda agar melengkapkan diri dengan kemahiran berbahasa Inggeris khususnya bagi mendalami bidang sains dan teknologi.

Walaupun yakin dengan kemampuan Bahasa Malaysia, Dr Mahathir bertegas bahawa masyarakat negara ini tidak akan mampu mengejar perkembangan dunia sains dan teknologi yang begitu pesat berkembang jika tidak menguasai bahasa yang dianggap bahasa penjajah itu.

#### MUAFAKAT BAWA BERKAT

Isu ini juga turut mencabar keupayaan BN sebagai parti perikatan pelbagai bangsa apabila ia dikatakan mahu menghakis penggunaan bahasa ibunda khususnya bahasa Cina.

Bagaimanapun dasar kompromi BN yang teguh membuahkan kejayaan dan kaum Cina yang majoritinya diwakili lima parti komponen -- MCA, Gerakan, Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) dan Parti Liberal Demokratik (LDP) akur dengan keputusan kerajaan.

Perkara itu dinyatakan oleh lima parti berkenaan semasa mesyuarat dewan tertinggi BN pada 22 Okt yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir.

Sebagai kompromi, parti-parti berkenaan kecuali LDP mahukan pelaksanaan dasar itu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) dilakukan dengan kaedah yang berbeza.

Dr Mahathir semasa memaklumkan perkara itu berkata empat parti berkenaan meminta tempoh seminggu untuk berbincang sesama mereka bagi menemui jalan terbaik.

LDP pula menyerahkan perkara itu kepada Kabinet.

Hasil perbincangan, empat parti berkenaan memohon dan Kabinet bersetuju supaya pengubahsuaian dilakukan ke atas jadual pembelajaran iaitu dengan mengurangkan beberapa waktu pengajaran bagi memperuntukkan waktu tambahan kepada pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

#### BANTAHAN DUA PERSATUAN

Isu yang sepatutnya berakhir dengan tercapainya penyelesaian itu kembali hangat pada awal bulan ini apabila dua persatuan pendidik Cina mengeluarkan bantahan keras terhadap pelaksanaan dasar itu.

Persatuan-persatuan berkenaan iaitu Dong Zong (Gabungan Persatuan Pengurus Sekolah-Sekolah Cina) dan Jiao Zong (Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina) berkeras mendakwa dasar itu bertujuan menghapuskan penggunaan bahasa ibunda di sekolah Cina.

Mereka mendakwa ia adalah langkah yang akan membawa kepada matlamat utama kerajaan iaitu menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya sebagai bahasa

pengantar di sekolah-sekolah.

Kelantangan suara dua pertubuhan berkenaan bagaimanapun ditangkis dengan tenang oleh Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad yang tegas berkata kerajaan tidak akan tunduk kepada tentangan itu.

Persatuan berkenaan juga ditempelak oleh pelbagai pihak kerana tidak menghormati keputusan majoriti masyarakat Cina.

#### PROGRAM MATRIKULASI

Isu lain yang tidak kurang hebatnya ialah langkah kerajaan membuka pintu program matrikulasi kepada pelajar bukan Bumiputera bagi memastikan persaingan sihat.

Topik itu mendominasi meja perbincangan media dan masyarakat di awal tahun ini dengan sebahagian masyarakat Bumiputera amnya dan masyarakat Melayu khususnya melahirkan rasa bimbang kerana ia disifatkan sebagai tidak menjaga kepentingan Melayu.

Sepanjang tempoh isu itu diperbahaskan oleh masyarakat, Musa yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno nyaris menjadi mangsa keadaan apabila beliau mendapat undi tidak percaya oleh Umno Bahagian Senai yang mahu membawa usul itu ke perhimpunan agung parti pada pertengahan Jun.

Bagaimanapun hasil kompromi dan sokongan padu pemimpin Umno lain, Ketua Umno bahagian itu Adam Abdul Hamid menggugurkan usul tersebut.

#### ISU IPTS

Turut memanaskan suasana ialah perselisihan antara Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Presiden MCA Datuk Seri Ling Liong Sik berkenaan isu kemasukan pelajar Bumiputera dalam Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Pemuda meminta supaya ditetapkan kuota 10 peratus untuk Bumiputera di IPTS memandangkan jumlahnya sekarang kurang daripada lima peratus.

Permintaan itu disifatkan oleh Dr Ling sebagai tidak perlu memandangkan pelajar Bumiputera sendiri kurang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka di IPTS.

Isu itu berjaya diselesaikan apabila kedua-dua pihak duduk bersama membincangkan perkara itu.

Kenyataan Dr Ling itu ada kebenarannya apabila semasa pengambilan pelajar baru Universiti Tunku Abdul Rahman hanya seorang pelajar Bumiputera mendaftar untuk belajar di situ.

Melihat secara keseluruhan, tahun ini seperti juga tahun-tahun sudah isu pendidikan meraih perhatian serius masyarakat kerana ia membabitkan sebahagian besar daripada rakyat.

Sewajarnya, kedua-dua pihak, masyarakat dan juga kerajaan, tidak harus cepat melenting dalam mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada dalam sistem pendidikan sekarang demi pembangunan negara.

Mungkin juga sudah tiba masanya statistik-statistik yang menunjukkan kelemahan-kelemahan sistem sekarang harus diambil kira dalam membuat dasar-dasar pendidikan negara pada masa hadapan.

Ianya perlu bagi mengelak sindrom 'sudah terhantuk baru menengadah' yang berlaku sekarang.--Bernama

NM RR